



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

APRIL
APRIL
2026



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGGUNA
CONSUMER PRICE INDEX
(2010 = 100)

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung **dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	:	StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>)
	:	data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM10.00

Diterbitkan secara bulanan / *Published monthly*

Edisi April 2026 diterbitkan pada Mei 2026 /

April 2026 Edition published in May 2026

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 0127 – 9491

KATA PENGANTAR

Penerbitan Indeks Harga Pengguna (IHP), Malaysia ini memaparkan statistik meliputi 13 kumpulan utama barangan dan perkhidmatan. Ini selaras dengan klasifikasi terkini yang berpandukan kepada **United Nations "Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)"** yang diterbitkan pada Mac 2018. Penyediaan statistik ini adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada **Consumer Price Index Manual: Concepts and Methods, 2020** yang diterbitkan oleh **International Monetary Fund (IMF)**.

Bermula keluaran Januari 2024, bakul barangan dan perkhidmatan IHP telah dikemaskini berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (HES) yang dijalankan bagi tempoh dua belas bulan rujukan iaitu dari Januari hingga Disember 2022. Pengemaskinian bakul ini disarankan oleh IMF untuk memastikan statistik yang diterbitkan mencerminkan corak perbelanjaan terkini pengguna.

IHP telah disusun buat kali pertama dengan menggunakan tahun 1967 sebagai tahun asas (1967=100). Selepas itu, ia telah diasaskan semula kepada tahun 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 dan kini masih 2010 sebagai "tempoh rujukan indeks" dengan 2022 sebagai "tempoh rujukan wajaran" yang dinyatakan pada harga Disember 2023. Objektif utama IHP adalah untuk mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh isi rumah mengikut masa bagi 'bakul' tetap barangan dan perkhidmatan. Indeks ini menggunakan tahun 2010 sebagai tahun asas.

Penerbitan ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi infografik dan ringkasan penemuan IHP. Bahagian kedua pula memaparkan jadual statistik di peringkat Malaysia dan negeri, manakala bahagian terakhir mengandungi nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Cadangan dan pandangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mei 2026

PREFACE

The Consumer Price Index (CPI), Malaysia presents statistics covering 13 main groups of goods and services. This is consistent with the classification according to the **United Nations** latest **"Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP)"**, published in March 2018. The compilation is based on the concepts and guidelines of the **Consumer Price Index Manual: Concepts and Methods, 2020** published by the **International Monetary Fund (IMF)**.

Starting from January 2024 release, the basket of goods and services of the CPI has been updated based on the Household Expenditure Survey (HES) conducted for the reference period of twelve months from January to December 2022. This exercise follows the recommendation by the IMF to ensure that official statistics published reflect the latest spending patterns of consumers.

The CPI was compiled for the first time using 1967 as the base year (1967=100). Subsequently, it has been rebased to 1980, 1990, 1994, 2000, 2005, 2010 and now still 2010 as the "index reference period" with 2022 as "weight reference period" which was expressed in December 2023. The main objective of CPI is to measures the changes over time in the price of consumer goods and services purchased by households for a constant 'basket' of goods and services in a specified time period. This index was compiled using 2010 as a base year.

This publication consists of three main parts. The first part contains the infographic and summary of findings on CPI. The second part shows statistical tables at Malaysia and state levels, while the last part contains technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. Suggestions and views towards improving this publication in the future are greatly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN
Chief Statistician Malaysia
May 2026

KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka Surat <i>Page</i>
KATA PENGANTAR <i>PREFACE</i>	 i ii
SEPINTAS LALU <i>AT A GLANCE</i>	 3
RINGKASAN PENEMUAN <i>SUMMARY OF FINDINGS</i>	 11 27
PURATA HARGA, MALAYSIA & NEGERI <i>AVERAGE PRICE, MALAYSIA & STATE</i>	 43
PURATA HARGA, DAERAH PENTADBIRAN <i>AVERAGE PRICE, ADMINISTRATIVE DISTRICT</i>	 51
SENARAI JADUAL <i>LIST OF TABLES</i>	 69
NOTA TEKNIKAL <i>TECHNICAL NOTES</i>	 135 141
LAMPIRAN <i>APPENDIX</i>	 149

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

		Muka Surat Page
1	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change, Malaysia</i>	69
2	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change, Malaysia</i>	69
3	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change, Malaysia</i>	70
4	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change, Malaysia</i>	70
5	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia</i>	71
6	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	72
7	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan IHP Tanpa Bahan Api, Malaysia - Perubahan Peratus Bulan ke Bulan <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and CPI without Fuel, Malaysia - Percentage Change Month-on-Month</i>	73
8	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia-Indeks Asal & Pelarasan Musim <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia-Original & Seasonally Adjusted index</i>	74
9	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	75
10	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Percentage Change Year-on-Year of Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	76
11	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman, Malaysia <i>Percentage Change Month-on-Month of Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages, Malaysia</i>	77
12	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Barang Tahan Lama, Semi Tahan Lama, Tidak Tahan Lama dan Perkhidmatan, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Durable, Semi-Durable, Non-Durable Goods and Services, Malaysia</i>	78
13	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Urban, Malaysia</i>	79

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

	Muka Surat Page
14 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change for Urban, Malaysia</i>	79
15 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Urban, Malaysia</i>	80
16 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kawasan Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages Urban, Malaysia</i>	81
17 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	82
18 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman dan Perubahan Peratus Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages and Percentage Change Rural, Malaysia</i>	82
19 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group Rural, Malaysia</i>	83
20 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kawasan Luar Bandar, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Rural, Malaysia</i>	84
21 Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	85
22 Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Subgroup Food and Non-Alcoholic Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	85
23 Indeks Harga Pengguna (2010 = 100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010 = 100), Index Numbers for Main Group Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	86
24 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages Income Groups Below RM3,000, Malaysia</i>	87
25 Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Subkumpulan Utama, Kelas Perbelanjaan dan Perubahan Peratus, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup, Expenditure Class and Percentage Change, Malaysia</i>	88

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

Muka Surat
Page

INDEKS NEGERI

STATES INDICES

1	Perubahan Peratus Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama mengikut Negeri <i>Percentage Change Consumer Price Index (2010=100), Main Group by State</i>	99
2	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Negeri <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by State</i>	100

INDEKS TERAS

CORE INDEX

1	Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Malaysia</i>	111
2	Indeks Teras (2010=100), Perubahan Peratus Tahunan Kumpulan Utama, Malaysia <i>Core Index (2010=100), Yearly Percentage Change for Main Group, Malaysia</i>	112

INDEKS SUKU TAHUNAN

QUARTERLY INDICES

1	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia</i>	115
2	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	116
3	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Number for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	117
4	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman mengikut Suku Tahunan, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Subgroup Food & Beverages by Quarter, Malaysia</i>	118
5	Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Sub-Groups Food & Beverages by Quarter, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	119
6	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Subkumpulan Makanan & Minuman mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Sub-Groups Food & Beverages by Quarter, Malaysia - Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	120
7	Indeks Harga Pengguna (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama, Subkumpulan Utama, Kelas Perbelanjaan dan Perubahan Peratus mengikut Suku Tahun, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup, Expenditure Class and Percentage Change by Quarter, Malaysia</i>	121

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

		Muka Surat Page
8	Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia <i>Consumer Price Index (2010=100), Index Numbers for Main Group, Subgroup, Expenditure Class and Percentage Change by Quarter, Malaysia</i>	129
9	Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Tahun ke Tahun <i>Core Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Year-on-Year</i>	130
10	Indeks Teras (2010=100), Nombor Indeks Kumpulan Utama Mengikut Suku Tahunan, Malaysia - Perubahan Peratus Suku Tahun ke Suku Tahun <i>Core Index (2010=100), Index Numbers for Main Group by Quarter, Malaysia - Percentage Change Quarter-on-Quarter</i>	131



SEPINTAS LALU

AT A GLANCE




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA


INDEKS HARGA PENGGUNA

APRIL 2026


Inflasi Malaysia meningkat **1.9 peratus**
pada **April 2026**



INFLASI MENGIKUT KUMPULAN UTAMA



INFLASI MENGIKUT SUBKUMPULAN MAKANAN & MINUMAN



PERUBAHAN INFLASI 573 ITEM MENGIKUT KATEGORI BARANGAN & PERKHIDMATAN



Nota: Mac 2026 April 2026
Peratusan Perubahan: Tahun ke tahun

Nota: ▲ Naik ▼ Turun ◀ Kekal
Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

BANI 26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA MADANI
kesejahteraan

ODIN 2024-2025
OPEN DATA INVENTORY
TEMPAT PERTAMA DI DUNIA

20 OKTOBER
2026

2016 - 2030




MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA


CONSUMER PRICE INDEX

APRIL 2026


Malaysia's inflation **increased at 1.9 per cent**
in **April 2026**




INFLATION BY MAIN GROUP



INFLATION FOR SUBGROUP OF FOOD & BEVERAGES



CHANGE IN INFLATION OF 573 ITEMS BY GOODS & SERVICES CATEGORY



Note: ■ March 2026 ■ April 2026
Percentage Change: Year-on-Year

Note: ▲ Increased ▼ Decreased ◀▶ Remained Unchanged
Source: Malaysia's Consumer Price Index (2010=100), Department of Statistics Malaysia (DOSM)



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Purata Harga Item Terpilih

Average Price for Selected Items

APRIL 2026

IKAN, DAGING & MAKANAN LAUT FISH, MEAT & SEAFOOD

Ayam
Chicken



RM

10.39

Mac 2026: RM10.59 /kg
Mar 2026

Daging Lembu Tempatan
Local Beef



RM

35.39

Mac 2026: RM35.31 /kg
Mar 2026

Ikan Cencaru
Torpedo Scad



RM

11.35

Mac 2026: RM11.65 /kg
Mar 2026

Ikan Kembung
Indian Mackerel



RM

17.56

Mac 2026: RM17.82 /kg
Mar 2026

Ikan Bawal Hitam
Black Pomfret



RM

27.90

Mac 2026: RM28.22 /kg
Mar 2026

Ikan Tongkol Hitam
Longtail Tuna



RM

13.68

Mac 2026: RM13.72 /kg
Mar 2026

Ikan Tenggiri Papan
Spanish Mackerel



RM

30.78

Mac 2026: RM30.25 /kg
Mar 2026

Ikan Tenggiri Batang
Narrow-Barred Spanish Mackerel



RM

36.21

Mac 2026: RM37.10 /kg
Mar 2026

Ikan Selar Kuning
Yellow Stripe Scad



RM

13.99

Mac 2026: RM14.25 /kg
Mar 2026

Ikan Selar
Yellowtail Scad



RM

16.92

Mac 2026: RM17.09 /kg
Mar 2026

Ikan Merah
Red Snapper



RM

38.61

Mac 2026: RM39.30 /kg
Mar 2026

Udang (8-12 sm)
Prawn (8-12 cm)



RM

33.62

Mac 2026: RM34.34 /kg
Mar 2026

Kerang
Cockles



RM

15.77

Mac 2026: RM15.82 /kg
Mar 2026

Ketam Bunga
Crab



RM

36.05

Mac 2026: RM35.84 /kg
Mar 2026

Sotong (10-12 sm)
Cuttlefish (10-12 cm)



RM

31.42

Mac 2026: RM32.18 /kg
Mar 2026



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Purata Harga Item Terpilih

Average Price for Selected Items

APRIL 2026

SAYUR-SAYURAN VEGETABLES

Bayam Hijau
Green Spinach



RM

5.82

Mac 2026: RM5.94 /kg
Mar 2026

Kubis Bunga
Cauliflower



RM

8.89

Mac 2026: RM8.77 /kg
Mar 2026

Cili Padi Burung
Bird's Eye Chilli



RM

2.77

Mac 2026: RM2.96 /200g
Mar 2026

Cili Merah (Kulai)
Red Chilli (Kulai)



RM

17.07

Mac 2026: RM17.98 /kg
Mar 2026

Cili Merah (Minyak)
Red Chilli (Minyak)



RM

15.43

Mac 2026: RM16.85 /kg
Mar 2026

Kacang Panjang
Long Beans



RM

8.00

Mac 2026: RM8.79 /kg
Mar 2026

Kacang Buncis
French Beans



RM

10.90

Mac 2026: RM11.59 /kg
Mar 2026

Kubis Bulat
Round Cabbage



RM

4.71

Mac 2026: RM4.92 /kg
Mar 2026

Sawi Jepun
Siew Pak Choy



RM

6.98

Mac 2026: RM6.71 /kg
Mar 2026

Tomato
Tomato



RM

5.66

Mac 2026: RM6.27 /kg
Mar 2026

Lobak Merah
Carrot



RM

4.93

Mac 2026: RM4.92 /kg
Mar 2026

Timun
Cucumber



RM

4.44

Mac 2026: RM4.20 /kg
Mar 2026

Kailan
Chinese Kale



RM

8.30

Mac 2026: RM8.23 /kg
Mar 2026

Bendi
Lady's Finger



RM

9.66

Mac 2026: RM9.99 /kg
Mar 2026

Terung
Brinjal



RM

8.50

Mac 2026: RM8.73 /kg
Mar 2026

Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Source: Malaysia's Consumer Price Index (2010=100), Department of Statistics Malaysia (DOSM)



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Purata Harga Item Terpilih

Average Price for Selected Items

APRIL 2026

BUAH-BUAHAN FRUITS

Epal Merah
Red Apple



RM

1.70

Feb 2026: RM1.73 /biji
Mac 2026

Betik
Papaya



RM

5.47

Feb 2026: RM5.22 /kg
Mac 2026

Pisang Emas
Banana, Emas




RM

5.84

Feb 2026: RM5.82 /kg
Mac 2026

Tembikai Susu
Honeydew



RM

5.98

Mac 2026: RM6.15 /kg
Mar 2026

Epal Fuji
Fuji Apple



RM

2.46

Mac 2026: RM2.44 /biji
Mar 2026

Epal Hijau
Green Apple



RM

1.56

Mac 2026: RM1.57 /biji
Mar 2026

Tembikai (Tanpa Biji)
Watermelon (Seedless)



RM

3.14

Mac 2026: RM2.98 /kg
Mar 2026

Jambu Batu
Guava



RM

7.67

Mac 2026: RM7.57 /kg
Mar 2026

Pisang Berangan
Banana, Berangan



RM

6.33

Mac 2026: RM6.36 /kg
Mar 2026

Nanas
Pineapple



RM

5.50

Mac 2026: RM5.47 /kg
Mar 2026

Lemon
Lemon



RM

2.15

Mac 2026: RM2.10 /biji
Mar 2026

Sumber: Indeks Harga Pengguna Malaysia (2010=100), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
Source: Malaysia's Consumer Price Index (2010=100), Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

INFLASI MALAYSIA MENINGKAT 1.9 PERATUS PADA APRIL 2026


Inflasi Malaysia meningkat 1.9 peratus pada April 2026 berbanding 1.7 peratus yang direkodkan pada Mac 2026 (**Carta 1**). Kesemua kumpulan merekodkan peningkatan kecuali kumpulan Pakaian & Kasut, kekal mencatatkan penurunan negatif 0.1 peratus (Mac 2026: -0.1%).

Peningkatan inflasi pada bulan ini telah didorong oleh peningkatan Pengangkutan, 4.1 peratus (Mac 2026: 1.6%); Minuman Alkohol & Tembakau, 2.8 peratus (Mac 2026: 2.7%); Maklumat & Komunikasi, 2.0 peratus (Mac 2026: 1.4%); Makanan & Minuman, 1.2 peratus (Mac 2026: 1.1%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah, 0.4 peratus (Mac 2026: 0.1%). Manakala, Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 4.8 peratus (Mac 2026: 7.0%); Pendidikan, 2.4 peratus (Mac 2026: 2.5%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, 1.1 peratus (Mac 2026: 1.2%) dan Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.9 peratus (Mac 2026: 1.0%) merekodkan peningkatan sederhana berbanding bulan sebelumnya. Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.9%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.6%) dan Kesihatan (1.4%) meningkat pada kadar yang sama seperti direkodkan pada Mac 2026.

Inflasi bagi tempoh Januari hingga April 2026 meningkat 1.7 berbanding 1.5 peratus yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun 2025. Kenaikan ini disumbangkan oleh peningkatan ketara Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, 6.3 peratus; Insurans & Perkhidmatan Kewangan, 5.0 peratus; Minuman Alkohol & Tembakau, 2.7 peratus; Pendidikan, 2.7 peratus; Kesihatan, 1.4 peratus dan Maklumat & Komunikasi, 1.1 peratus.


Inflasi keseluruhan secara bulanan pada April 2026 merekodkan peningkatan kepada 0.4 peratus berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 0.3%). Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh kumpulan Pengangkutan yang merekodkan peningkatan kepada 2.5 peratus berbanding 2.1 peratus pada bulan sebelumnya. Tambahan pula, Maklumat & Komunikasi, 1.6 peratus (Mac 2026: 0.8%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan, 0.4 peratus (Mac 2026: -0.1%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan, 0.3 peratus (Mac 2026: 0.2%) dan Minuman Alkohol & Tembakau, 0.2 peratus (Mac 2026: 0.1%) merekodkan peningkatan lebih tinggi berbanding bulan sebelumnya. Sementara itu, dua kumpulan mencatatkan penurunan

Carta 1 Inflasi bulanan Malaysia, April 2025 – April 2026



iaitu Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain, negatif 0.1 peratus (Mac 2026: 0.1%) dan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan, negatif 0.7 peratus (Mac 2026: 0.4%). Makanan & Minuman; Pakaian & Kasut dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan masing-masing tidak merekodkan sebarang perubahan berbanding bulan sebelumnya.

Carta 2 Inflasi mengikut Kumpulan, Februari 2026 & Mac 2026




Inflasi Teras

Inflasi teras mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan. Inflasi teras pada April 2026 meningkat perlahan 2.0 peratus berbanding 2.1 peratus yang direkodkan pada Mac 2026 (**Carta 3**).

Peningkatan ini didorong oleh peningkatan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.9%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.8%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.6%); Pendidikan (2.4%); Makanan & Minuman (2.0%); Maklumat & Komunikasi (2.0%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.5%); Kesihatan (1.4%); Pengangkutan (1.4%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.9%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.4%).

Carta 3 Inflasi Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi tanpa Bahan Api, April 2025 – April 2026



Inflasi tanpa Bahan Api

Inflasi tanpa Bahan Api pada April 2026 meningkat perlahan 1.7 peratus berbanding 1.8 peratus pada bulan sebelumnya (**Carta 3**). Inflasi tanpa Bahan Api meliputi semua barang dan perkhidmatan kecuali Petrol tanpa plumbum RON95, Petrol tanpa plumbum RON97 dan Diesel.

INFLASI KUMPULAN UTAMA


Makanan & Minuman

Kumpulan Makanan & Minuman menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat pada 1.2 peratus berbanding 1.1 peratus pada Mac 2026. Daripada 247 item Makanan, 158 item (64.0%) telah merekodkan kenaikan harga berbanding April 2025.

Peningkatan bagi subkumpulan Makanan di luar rumah, 2.6 peratus (Mac 2026: 2.3%) merupakan penyumbang kepada peningkatan

kumpulan ini. Antara item subkumpulan Makanan di luar rumah yang merekodkan peningkatan ialah Nasi campur, 3.4 peratus (Mac 2026: 3.0%); Kek, 4.6 peratus (Mac 2026: 0.3%); Roti canai, 2.8 peratus (Mac 2026: 2.1%) dan Masakan ikan, 2.7 peratus (Mac 2026: 2.3%). Namun begitu, subkumpulan Makanan di rumah tidak mencatatkan sebarang perubahan telah mengimbangi inflasi kumpulan ini dari meningkat lebih tinggi (Mac 2026: 0.1%) (**Carta 6**).

Carta 6 Inflasi bagi Makanan & Minuman, April 2025 – April 2026



Jadual 1 Inflasi bagi Subkumpulan Makanan & Minuman

Kumpulan/ Subkumpulan/ Kelas Perbelanjaan	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Mac 2026	Apr 2026	Apr 2026/ Mac 2026	Apr 2026/ Apr 2025
Makanan & Minuman	159.6	159.6	0.0	1.2
Makanan	160.9	161.0	0.1	1.2
Makanan di luar rumah	179.9	180.8	0.5	2.6
Makanan di rumah	147.9	147.3	-0.4	0.0
Bijirin & produk bijirin	124.5	124.7	0.2	0.2
Daging	150.6	149.5	-0.7	0.6
Ikan & makanan laut lain	170.4	169.3	-0.6	1.2
Susu, produk tenusu lain & telur	143.0	141.3	-1.2	-0.9
Minyak & lemak	128.3	128.8	0.4	0.1
Buah-buahan & kacang	147.5	148.8	0.9	1.8
Sayur-sayuran	144.9	143.3	-1.1	-4.7
Gula, manisan & pencuci mulut	146.2	146.3	0.1	0.4
Makanan sedia dimakan & produk makanan lain t.t.t.l.	164.6	164.7	0.1	0.9
Minuman bukan alkohol	129.4	129.7	0.2	0.4
Jus buah-buahan & sayur-sayuran	118.9	119.2	0.3	0.3
Kopi & pengganti kopi	134.0	133.6	-0.3	1.4
Teh	123.9	124.6	0.6	0.7
Minuman koko	131.3	131.7	0.3	-0.5
Air	122.1	122.1	0.0	-0.6
Minuman ringan	120.3	120.4	0.1	0.8
Minuman tidak beralkohol lain	145.2	146.2	0.7	0.5

Inflasi subkumpulan Makanan di rumah pada April 2026 tidak merekodkan sebarang perubahan berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 0.1%). Kebanyakan kelas perbelanjaan merekodkan peningkatan antara 0.1 peratus hingga 1.8 peratus. Antara kelas perbelanjaan yang merekodkan peningkatan ialah Buah-buahan & kacang, 1.8 peratus (Mac 2026: 0.5%); Ikan & makanan laut lain, 1.2 peratus (Mac 2026: 1.5%); Daging, 0.6 peratus (Mac 2026: 0.9%) dan Gula, manisan & pencuci mulut, 0.4 peratus (Mac 2026: 0.5%). Namun begitu, kelas perbelanjaan Sayur-sayuran dan Susu, produk tenusu lain & telur masing-masing merekodkan penurunan negatif 4.7 peratus dan negatif 0.9 peratus. Penurunan ini sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi kumpulan Makanan & Minuman dari terus meningkat (**Jadual 1**).

Kelas perbelanjaan Daging menyederhana kepada 0.6 peratus berbanding Mac 2026 (0.9%). Peningkatan perlahan ini disumbangkan oleh Daging kambing tempatan, 2.4 peratus (Mac 2026: 2.7%); Daging khinzir, 1.4 peratus (Mac 2026: 3.4%) dan Daging itik, 0.2 peratus (Mac 2026: 0.6%). Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar merangkumi 32.6 peratus dalam kelas perbelanjaan Daging terus merekodkan penurunan pada negatif 0.8 peratus berbanding bulan sebelumnya (-0.3%). Purata harga Ayam standard Malaysia pada April 2026 adalah RM10.39 sekilogram berbanding RM10.37 sekilogram pada bulan April 2025 (Mac 2026: RM10.59). Manakala di peringkat Semenanjung Malaysia, purata harga Ayam standard direkodkan pada RM9.54 sekilogram berbanding RM9.63 sekilogram pada bulan April 2025 (Mac 2026: RM9.84). Bagi perbandingan bulan ke bulan, kelas perbelanjaan Daging merekodkan penurunan negatif 0.7 peratus berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: -0.6%). Penurunan Ayam standard pada negatif 2.6 peratus (Mac 2026: -2.0%); Daging khinzir, negatif 0.7 peratus (Mac 2026: -0.5%) dan Daging kambing tempatan, negatif 0.1 peratus (Mac 2026: 0.1%) merupakan penyumbang kepada penurunan ini.

Kelas perbelanjaan Sayur-sayuran kekal pada jajaran negatif iaitu negatif 4.7 peratus berbanding Mac 2026 (-4.9%). Antara Sayur-sayuran yang merekodkan penurunan tahun ke tahun adalah Bawang putih, -15.6 peratus (Mac 2026: -16.2%); Bawang merah besar, negatif 15.2 peratus (Mac 2026: -18.6%); Terung, negatif 15.1 peratus (Mac 2026: -13.0%); Tomato, negatif 11.3 peratus (Mac 2026: -15.1%) dan Kacang buncis, negatif 3.3 peratus (Mac 2026: -10.7%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, kelas perbelanjaan ini merekodkan penurunan negatif 1.1 peratus berbanding negatif 0.6 peratus pada Mac 2026. Antara Sayur-sayuran yang merekodkan penurunan bulan ke bulan adalah Tomato, negatif 10.2 peratus (Mac 2026: -11.5%); Kacang panjang, negatif 8.2 peratus (Mac 2026: -2.2%); Terung, negatif 2.6 peratus (Mac 2026: -3.3%); Bunga kubis, negatif 1.6 peratus (Mac 2026: -2.5%) dan Peria, negatif 1.6 peratus (Mac 2026: -1.7%).

Inflasi kelas perbelanjaan Susu, produk tenusu lain & telur merekodkan penurunan pada negatif 0.9 peratus berbanding bulan sebelumnya (Mac 2026: 0.0%). Penurunan ini disumbangkan oleh penurunan ketara subkelas kelas perbelanjaan Telur, negatif 0.7 peratus berbanding Mac 2026 (2.1%). Selain itu, penurunan subkelas perbelanjaan Lain-lain susu & krim (-2.4%); Susu bukan daripada sumber haiwan (-0.4%) dan Yogurt & produk seumpamanya (-0.1%) turut menyumbang kepada inflasi kelas perbelanjaan ini.

Selain itu, kelas perbelanjaan Ikan & makanan laut lain merekodkan peningkatan pada 1.2 peratus berbanding 1.5 peratus pada bulan sebelumnya. Antara subkelas perbelanjaan yang merekodkan peningkatan sederhana adalah Ikan hidup, segar, sejuk & beku, 1.5 peratus (Mac 2026: 2.0%); Makanan laut lain hidup, segar, sejuk atau beku, 0.8 peratus (Mac 2026: 1.0%) dan Makanan laut lain yang dikeringkan, diasinkan, 0.9 peratus (Mac 2026: 1.8%). Bagi perbandingan bulanan, kelas perbelanjaan ini merekodkan penurunan kepada negatif 0.6 peratus berbanding negatif 0.4 peratus pada Mac 2026. Antara makanan laut yang merekodkan penurunan bulan ke bulan adalah Cencaru (-2.9%); Selar (-2.1%); Lumek (-2.4%) dan Siakap (-1.9%).

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Jadual 2 Inflasi bagi Subkumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain

Kumpulan/ Subkumpulan	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Mac 2026	Apr 2026	Apr 2026 / Mac 2026	Apr 2026 / Apr 2025
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	132.6	132.5	-0.1	1.1
Sewa sebenar untuk kediaman	137.8	137.8	0.0	1.5
Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman	146.5	146.7	0.1	2.3
Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman	150.6	150.6	0.0	6.8
Elektrik, gas & bahan api	95.7	95.2	-0.5	-4.5

Inflasi bagi kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain meningkat perlahan kepada 1.1 peratus pada April 2026 berbanding 1.2 peratus pada Mac 2026. Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan Penyelenggaraan, pembaikan & keselamatan rumah kediaman yang mencatatkan peningkatan 2.3 peratus berbanding bulan sebelumnya (3.3%). Selain itu, subkumpulan Bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan dengan rumah kediaman (6.8%) dan Sewa sebenar untuk kediaman (1.5%) turut mencatatkan peningkatan pada April 2026.

Namun begitu, inflasi kumpulan ini telah diimbangi oleh subkumpulan Elektrik, gas & bahan api yang kekal berada di jajaran negatif untuk sepuluh bulan berturut-turut pada negatif 4.5 peratus berbanding Mac 2026 (-4.0%) (**Jadual 2**). Penurunan pada subkumpulan ini adalah didorong oleh pengemaskinian kadar Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA) yang dikenakan ke atas pelanggan domestik di Semenanjung Malaysia bagi penggunaan lebih daripada 600 kilowatt per jam (kWh), telah menerima rebat sebanyak 0.47 sen/kWh bagi tempoh 1 hingga 30 April 2026 berbanding AFA yang dikenakan bagi tempoh 1 hingga 31 Mac 2026 (2.15 sen/kWh). Pengemaskinian ini memberi impak kepada purata nilai tarif elektrik berbanding tempoh sebelumnya. Namun begitu, pengguna domestik dengan penggunaan 600 kWj dan ke bawah kekal tidak terjejas. Selain itu, semua pengguna domestik di Sarawak menerima diskaun bil elektrik sebanyak 25 peratus bagi tempoh April hingga Disember 2026, yang memberi manfaat kepada kira-kira 714,000 isi rumah susulan inisiatif bantuan kewangan kerajaan Sarawak.

Pengangkutan

Jadual 3 Inflasi bagi Subkumpulan Pengangkutan

Kumpulan/ Subkumpulan	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	Mac 2026	Apr 2026	Apr 2026 / Mac 2026	Apr 2026 / Apr 2025
Pengangkutan	124.2	127.3	2.5	4.1
Pembelian kenderaan	97.2	97.3	0.1	-0.2
Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian	129.9	133.9	3.1	4.8
Perkhidmatan pengangkutan awam	121.7	122.8	0.9	7.0
Perkhidmatan pengangkutan barangan	121.3	122.1	0.7	-1.3

Inflasi kumpulan Pengangkutan meningkat kepada 4.1 peratus pada April 2026 berbanding 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh subkumpulan Perkhidmatan pengangkutan awam (7.0%) dan Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian (4.8%). Namun begitu, subkumpulan Pembelian kenderaan dan Perkhidmatan pengangkutan barangan masing-masing kekal berada pada jajaran negatif iaitu negatif 0.2 peratus dan negatif 1.3 peratus, sedikit sebanyak telah mengimbangi inflasi kumpulan ini dari terus meningkat **(Jadual 3)**.

Purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia meningkat kepada RM2.92 seliter (April 2025: RM2.95 seliter), manakala, purata harga Petrol tanpa plumbum RON97 meningkat RM5.06 seliter (April 2025: RM3.25 seliter). Selain itu, purata harga Petrol tanpa plumbum RON95 bersubsidi (BUDI95) kekal pada harga RM1.99 seliter, manakala Petrol tanpa plumbum RON95 tanpa subsidi meningkat kepada RM4.00 seliter (April 2025: RM2.05 seliter). Peningkatan harga bahan api ini adalah seiring dengan peningkatan minyak mentah Brent kepada AS\$120.42 setong berbanding April 2025 (AS\$67.75 setong) **(Jadual 4)**.

Jadual 4 Purata Harga dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun bagi Bahan Api, April 2025 – April 2026

Year	Month	Minyak mentah, Brent		Petrol tanpa plumbum RON97		Petrol tanpa plumbum RON95		Petrol tanpa plumbum RON95 (BUDI95)		Diesel (Semenanjung Malaysia)		Diesel (Sabah, Sarawak & W.P. Labuan)	
		US\$/Barrel	%	RM/Litre	%	RM/Litre	%	RM/Litre	%	RM/Litre	%	RM/Litre	%
2025	Apr	67.75	-24.8	3.25	-6.3	2.05	0.0			2.95	37.2	2.15	0.0
	Mei	64.21	-21.7	3.11	-10.4	2.05	0.0			2.81	30.7	2.15	0.0
	Jun	71.45	-13.5	3.11	-10.4	2.05	0.0			2.78	-7.0	2.15	0.0
	Jul	70.95	-16.8	3.20	-7.8	2.05	0.0			2.89	-13.7	2.15	0.0
	Ogos	68.20	-15.7	3.15	-9.2	2.05	0.0			2.90	-11.3	2.15	0.0
	Sep	67.95	-8.5	3.19	-2.7	2.05	0.0			2.91	-4.3	2.15	0.0
	Okt	64.65	-14.6	3.18	-0.3	2.60	26.8	1.99	-2.9	2.92	-1.0	2.15	0.0
	Nov	63.61	-14.5	3.24	1.6	2.63	28.3	1.99	-2.9	3.05	3.4	2.15	0.0
	Dis	62.72	-15.0	3.24	0.9	2.62	27.8	1.99	-2.9	3.03	2.7	2.15	0.0
2026	Jan	66.77	-15.7	3.11	-6.6	2.54	23.9	1.99	-2.9	2.89	-5.6	2.15	0.0
	Feb	71.11	-5.4	3.11	-9.3	2.55	24.4	1.99	-2.9	2.98	-6.3	2.15	0.0
	Mac	103.69	42.9	4.03	21.0	3.16	54.1	1.99	-2.9	4.12	33.8	2.15	0.0
	Apr	120.42	77.7	5.06	55.7	4.00	95.1	1.99	-2.9	5.92	100.7	2.15	0.0

W.P.: Wilayah Persekutuan


Penafian: Purata harga yang dipaparkan adalah berdasarkan pengiraan DOSM

INFLASI MENGIKUT NEGERI

Kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras nasional 1.9 peratus dengan Sarawak merekodkan inflasi terendah (0.4%) pada April 2026. Walau bagaimanapun, tujuh negeri merekodkan peningkatan melebihi paras nasional iaitu Pahang (2.8%), Wilayah Persekutuan Labuan (2.7%), Negeri Sembilan (2.5%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2.5%), Johor (2.4%), Sabah (2.1%), Wilayah Persekutuan Putrajaya (2.1%) dan Selangor (2.0%) (**Carta 7**).

Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi Makanan & Minuman dengan Kelantan merekodkan inflasi terendah (-1.3%). Pada masa yang sama, terdapat tujuh negeri merekodkan peningkatan melepasi paras nasional bagi inflasi Makanan & Minuman pada 1.2 peratus. Antara negeri yang merekodkan peningkatan lebih tinggi adalah Negeri Sembilan (2.5%), Johor (2.2%), Pahang (2.1%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.8%), Melaka (1.6%), Wilayah Persekutuan Labuan (1.6%) dan Pulau Pinang (1.4%), manakala, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah dan sama dengan paras nasional bagi inflasi Makanan & Minuman.


Carta 7 Inflasi mengikut Negeri, Mac 2026 & April 2026



INFLASI BAGI BANDAR DAN LUAR BANDAR

Inflasi Bandar meningkat kepada 2.0 peratus pada April 2026 berbanding 1.8 peratus pada Mac 2026, terutamanya disebabkan oleh kumpulan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.9%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.8%); Pengangkutan (4.3%); Minuman Alkohol & Tembakau (2.8%); Pendidikan (2.6%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.6%); Maklumat & Komunikasi (2.0%) dan Kesihatan (1.5%). Secara bulan ke bulan, inflasi Bandar kekal kepada 0.4 peratus, berkadaran sama seperti yang direkodkan pada bulan sebelumnya

Carta 8 Inflasi bagi Kawasan Bandar dan Luar Bandar, Malaysia, April 2025 – April 2026



Inflasi Luar bandar meningkat kepada 1.8 peratus berbanding 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (4.8%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (4.6%); Pengangkutan (3.5%); Minuman Alkohol & Tembakau (3.0%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.7%); Restoran & Perkhidmatan Penginapan (2.1%); Maklumat & Komunikasi (1.8%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.7%); Kesihatan (1.5%) dan Pendidikan (1.1%). Bagi perbandingan bulanan, inflasi Luar bandar meningkat perlahan kepada 0.2 peratus berbanding bulan sebelumnya (0.3%) **(Carta 8)**.

Jadual 7 Indeks dan Inflasi Kawasan Bandar dan Luar Bandar mengikut Kumpulan Utama, Mac 2026 & April 2026


Kumpulan Utama	Bandar				Luar Bandar			
	Mac 2026		Apr 2026		Mac 2026		Apr 2026	
	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%	Indeks	%
Jumlah	137.4	1.8	138.0	2.0	131.3	1.6	131.6	1.8
Makanan & Minuman	163.5	1.2	163.7	1.3	145.5	0.9	145.3	0.9
Minuman Alkohol & Tembakau	176.4	2.7	176.6	2.8	181.0	2.8	181.1	3.0
Pakaian & Kasut	91.2	-0.1	91.1	-0.2	99.7	0.1	99.7	0.2
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	133.5	1.1	133.5	1.0	127.7	2.0	127.3	1.7
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	128.7	0.1	129.1	0.5	118.0	0.3	118.1	0.3
Kesihatan	134.8	1.4	135.1	1.5	127.5	1.4	127.5	1.5
Pengangkutan	125.2	1.6	128.4	4.3	119.5	1.0	122.3	3.5
Maklumat & Komunikasi	89.2	1.4	90.6	2.0	94.5	1.3	95.7	1.8
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	121.6	1.0	122.0	0.9	117.4	0.3	117.6	0.4
Pendidikan	133.5	2.7	133.7	2.6	120.8	1.0	121.0	1.1
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	162.1	2.7	162.7	2.6	142.2	1.8	142.5	2.1
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	116.8	4.9	116.8	4.9	119.1	4.8	119.1	4.8
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	137.7	7.0	136.8	4.8	136.1	6.7	135.1	4.6

INFLASI KUMPULAN PENDAPATAN BAWAH RM3,000.


Inflasi bagi kumpulan pendapatan di bawah RM3,000 meningkat perlahan kepada 1.3 peratus pada April 2026 berbanding 1.2 peratus pada Mac 2026 (**Carta 9**).

Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan kumpulan Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan kepada 3.3 peratus, diikuti oleh Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%); Minuman Alkohol & Tembakau (3.2%); Pendidikan (2.4%); Pengangkutan (2.3%); Insurans & Perkhidmatan Kewangan (2.0%); Maklumat & Komunikasi (1.5%); Kesihatan (1.4%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.3%); Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (0.7%); Makanan & Minuman (0.6%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.2%). Manakala, Pakaian & Kasut merekodkan penurunan kepada negatif 0.3 peratus.

Carta 9 Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, April 2025 – April 2026



Carta 10 Inflasi Makanan Terpilih bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, April 2025 – April 2026



INFLASI MENGIKUT NEGARA TERPILIH


Inflasi Eurozone meningkat kepada 3.0 peratus pada April 2026 berbanding 2.6 peratus pada Mac 2026. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh tenaga, 10.9 peratus (Mac 2026: 5.1%). Inflasi Perkhidmatan meningkat perlahan kepada 3.0 peratus pada April 2026 (Mac 2026: 3.2%). Manakala, inflasi Makanan, Alkohol & Tembakau meningkat perlahan 2.5 peratus pada April 2026 (Mac 2026: 2.4%).

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih di rantau Asia Pasifik, kadar inflasi di Malaysia (1.9%) adalah lebih rendah berbanding inflasi di Philippines. Inflasi Philippines meningkat kepada 7.2 peratus pada April 2026 berbanding 4.1 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh peningkatan kos Pengangkutan kepada 21.4 peratus (Mac 2026: 9.9%); Makanan & Minuman bukan alkohol, 6.0 peratus (Mac 2026: 2.9%); Perumahan & utiliti, 8.2 peratus (Mac 2026: 4.7%) dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah, 3.5 peratus (Mac 2026: 3.1%).

Inflasi Indonesia menyederhana kepada 2.4 peratus pada April 2026 berbanding 3.5 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disumbangkan oleh inflasi Kesihatan dan Pendidikan masing-masing mencatatkan peningkatan kepada 1.5 peratus dan 1.1 peratus pada April 2026. Manakala, inflasi Komunikasi meningkat kepada 0.8 peratus (Mac 2026: 0.0%).

Sementara itu, inflasi China pada April 2026 meningkat kepada 1.2 peratus berbanding Mac 2026 (1.0%). Inflasi bukan makanan meningkat kepada 1.8 peratus (Mac 2026: 1.2%), dengan Pengangkutan meningkat ketara kepada 4.6 peratus berbanding Mac 2026 (0.9%). Ini diikuti oleh Pakaian, 1.5 peratus (Mac 2026: 1.6%); Kesihatan, 2.2 peratus (Mac 2026: 1.9%) dan Pendidikan, 1.3 peratus (Mac 2026: 1.1%) **(Carta 11).**

Carta 11 Inflasi bagi Negara Terpilih, April 2025 – April 2026



Jadual 8 Perubahan Peratus bagi Indeks Keseluruhan, Indeks Pelarasan Musim dan Indeks Teras mengikut Kumpulan

Kumpulan	Indeks Keseluruhan					Indeks Pelarasan Bermusim		Indeks Teras	
	Wajaran	Indeks	Perubahan Peratus			Indeks	Perubahan Peratus Bulan ke Bulan	Wajaran Indeks Teras	Perubahan Peratus Tahun ke Tahun
			Apr 2026	Apr 2026/ Mac 2025	Apr 2026/ Apr 2025	Jan-Apr 2026/2025	Apr 2026	Apr 2026/ Mac 2025	Apr 2026/ Apr 2025
Jumlah	100.0	136.9	0.4	1.9	1.7	136.9	0.4	100.0	2.0
Makanan & Minuman	29.8	159.6	0.0	1.2	1.3	159.9	0.3	25.3	2.0
Minuman Alkohol & Tembakau	1.9	178.1	0.2	2.8	2.7	178.1	0.2	-	-
Pakaian & Kasut	2.7	93.0	0.0	-0.1	-0.1	93.0	0.0	3.6	-0.1
Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain	23.2	132.5	-0.1	1.1	1.1	132.4	0.2	24.7	1.5
Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah	4.3	127.1	0.2	0.4	0.2	127.1	0.2	5.6	0.4
Kesihatan	2.7	133.5	0.2	1.4	1.4	133.5	0.2	3.1	1.4
Pengangkutan	11.3	127.3	2.5	4.1	1.1	127.3	2.5	6.4	1.4
Maklumat & Komunikasi	6.6	91.3	1.6	2.0	1.1	91.3	1.6	8.5	2.0
Rekreasi, Sukan & Kebudayaan	3.0	121.6	0.3	0.9	0.9	121.6	0.3	3.9	0.9
Pendidikan	1.3	132.1	0.2	2.4	2.7	132.0	0.2	1.7	2.4
Restoran & Perkhidmatan Penginapan	3.4	159.6	0.4	2.6	2.7	159.6	0.4	4.4	2.6
Insurans & Perkhidmatan Kewangan	4.0	117.3	0.0	4.9	5.0	117.3	0.0	5.3	4.9
Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan	5.8	136.6	-0.7	4.8	6.3	136.6	-0.7	7.5	4.8
Bukan Makanan	70.2	127.3	0.6	2.3	2.0	-	-	-	-

MALAYSIA'S INFLATION INCREASED AT 1.9 PER CENT IN APRIL 2026


Malaysia's inflation increased 1.9 per cent in April 2026 as compared to 1.7 per cent recorded in March 2026 (**Chart 1**). All groups recorded an increase except the group of Clothing & Footwear, continued to register a decline at negative 0.1 per cent (March 2026: -0.1%).

The increase in inflation in this month was driven by an increase in Transportation, 4.1 per cent (Mar 2026: 1.6%); Alcoholic Beverages & Tobacco, 2.8 per cent (March 2026: 2.7%); Information & Communication, 2.0 per cent (March 2026: 1.4%); Food & Beverages, 1.2 per cent (March 2026: 1.1%) and Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance, 0.4 per cent (March 2026: 0.1%). Meanwhile, Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services, 4.8 per cent (March 2026: 7.0%); Education, 2.4 per cent (March 2026: 2.5%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels, 1.1 per cent (March 2026: 1.2%) and Recreation, Sport & Culture, 0.9 per cent (March 2026: 1.0%) recorded a moderate increase as compared to the previous year. Insurance & Financial Services (4.9%); Restaurant & Accommodation Services (2.6%) and Health (1.4%) increase at the same rate as recorded in March 2026.

The headline inflation for the period of January to April 2026 increased 1.7 per cent as against 1.5 per cent as recorded in the same period of 2025. The increase was attributed by significant increase in Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services, 6.3 per cent; Insurance & Financial Services, 5.0 per cent ; Alcoholic Beverages & Tobacco, 2.7 per cent ; Education, 2.7 per cent; Health, 1.4 per cent and Information & Communication, 1.1 per cent.


The monthly headline inflation in April 2026 recorded an increase to 0.4 per cent as compared to the previous month (March 2026: 0.3%). The increase were mainly attributed by the group Transport which recorded a significant increased to 2.5 per cent as compared to 2.1 per cent in the preceeding month. In addition, Information & Communication, 1.6 per cent (March 2026: 0.8%); Restaurant & Accommodation Services, 0.4 per cent (March 2026: -0.1%); Recreation, Sport & Culture, 0.3 per cent (March 2026: 0.2%) and Alcoholic Beverages & Tobacco, 0.2 per cent (March 2026: 0.1%) recorded a higher increase as compared to the previous month. However, two groups recorded a decline namely Housing, Water, Electricity,

Chart 1 Monthly inflation Malaysia, April 2025 – April 2026



Gas & Other Fuels, negative 0.1 per cent (Mac 2026: 0.1%) dan Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services, negative 0.7 per cent (Mac 2026: 0.4%). Food & Beverages; Clothing & Footwear and Insurance & Financial Services did not record any changes as compare to the previous month respectively.

Chart 2 Inflation by Group, February 2026 & March 2026




Core Inflation

